



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

LJT 1C Pt 21 / 68

RUJUKAN KAMI:

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

20 April 2020

20 Sya'aban 1441H

## Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PAKEJ RANGSANGAN PRIHATIN JTBB - COVID-19 (TAMBAHAN)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) melalui surat bil. LJT 1C Pt 21 / (57) bertarikh 6 April 2020 telah mengumumkan Pakej Rangsangan Prihatin JTBB - COVID-19 (PRPJTB COVID-19) yang memberi manfaat kepada semua firma Juruukur Tanah Berlesen (JTBB). Kesemua bayaran subsidi telah selesai di dibuat kepada semua firma JTBB terlibat pada 16 April 2020.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, PRPJTB COVID-19 memfokuskan pemberian subsidi kepada firma JTBB dalam membantu kelangsungan perniagaan masing-masing. Lanjutan daripada itu, Lembaga dalam Mesyuarat ke 503 pada 17 April 2020 telah menimbang dan meluluskan pemberian subsidi tambahan di bawah Pakej Rangsangan Prihatin JTBB - COVID-19 (Tambahan) (PRPJTB COVID-19 Tambahan), termasuk kepada kakitangan firma JTBB yang berdaftar dengan LJT sahaja dan mencarum dengan Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jenis subsidi tambahan yang diluluskan oleh Lembaga adalah sepertimana berikut:

JENIS BANTUAN		KATEGORI KAKITANGAN FIRMA JTB	
		Berpendapatan RM4,000 ke bawah (B40)	Berpendapatan melebihi RM4,000 sehingga M8,000 (M40)
Subsidi tunai kepada 3,266 kakitangan Firma JTB yang berdaftar dengan LJT dan mencarum KWSP	Bayaran tunai sebanyak RM300 bagi kategori B40 dan RM200 bagi kategori M40 untuk 3 bulan (April – Jun 2020)	RM900	RM600
Subsidi perbelanjaan ubat-ubatan	Bayaran RM100 secara <i>one-off</i>	RM100	RM100
Bantuan kewangan bagi kakitangan JTB yang dikuarantin akibat positif COVID-19	Bayaran RM50/sehari selama maksimum 14 hari	JIKA ADA	JIKA ADA
<b>JUMLAH SUBSIDI</b>		<b>RM1,000</b>	<b>RM700</b>

4. Bayaran subsidi ini akan dibayar terus ke akaun Firma JTB berdasarkan rekod di dalam sistem e-LJT dalam bulan April 2020. Dalam hubungan ini, LJT memberikan kepercayaan kepada JTB untuk menyalurkan sepenuhnya bantuan tersebut kepada kakitangan masing-masing yang layak berdasarkan senarai nama yang telah diluluskan oleh LJT.

5. Disamping itu, Lembaga juga telah menimbang dan meluluskan inisiatif seperti berikut:

- i. Meneruskan operasi pejabat LJT sepanjang tempoh PKP terutamanya yang melibatkan urusan pemprosesan pendaftaran kerja baru dan pembayaran tuntutan kemajuan kerja yang dikemukakan oleh JTB;


- ii. Menstruktur semula prosidur bayaran kemajuan berperingkat kerja ukur hakmilik strata sebanyak 15% setelah permohonan CPSP dikemukakan kepada JUPEM Negeri;
- iii. Mengadakan rundingan dengan pihak JUPEM dalam melanjutkan tempoh penghantaran kerja ukur oleh JTB;
- iv. Mengumpul dan menyumbang sebanyak RM145,000.00 kepada Tabung COVID-19 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan bersama Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA), Koperasi Juruukur Tanah (KOJUTA), Koperasi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (KOJUPEM), Yayasan Kebajikan Juruukur Tanah Berdaftar, Geospatial Science and Technology College (GSTC), Geomatic and Land Surveying Division (GLS), RISM dan Majlis Sukan Jabatan Ukur (MSJU);
- v. Memberi sumbangan sebanyak RM200 sebulan bermula April hingga Jun 2020 kepada pengawal keselamatan yang bertugas di Wisma LJT dan Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur;
- vi. Memberi sumbangan sebanyak RM200 seorang secara *one-off* kepada 338 pelajar ukur dan geomatik yang terkandas di 2 IPTA dan 5 Politeknik;
- vii. Menyokong cadangan pelaksanaan bayaran interim dividen sekurang kurangnya 2% oleh KOJUTA dan KOJUPEM;
- viii. Menyokong cadangan pembiayaan '*soft-loan*' oleh KOJUTA kepada ahli-ahlinya;
- ix. Moratorium sewaan Prima Ballroom selama 3 bulan bermula April hingga Jun 2020; dan
- x. Mengurangkan bayaran sewa untuk Geospatial Science and Technology College (GSTC) dan Pejabat Ukur Daerah, Selangor Timur sebanyak 50% selama 3 bulan bermula April hingga Jun 2020.

6. Semoga pakej rangsangan tambahan ini dapat membantu kakitangan-kakitangan terlibat dalam tempoh pelaksanaan PKP ini.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



(S. ISMAIL BIN HARUN)

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Juruukur Tanah  
Malaysia

S.k. YBhg. Dato Pengerusi  
Lembaga Juruukur Tanah Malaysia